

BUSCOPAN® TABLET

Hyoscine butylbromide (10 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Buscopan®
2. Bagaimana Buscopan® berfungsi
3. Sebelum mengambil Buscopan®
4. Cara menggunakan Buscopan®
5. Semasa menggunakan Buscopan®
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Buscopan®
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Buscopan®

Buscopan® digunakan untuk melegakan kekejangan di dalam otot-otot anda:

- Perut
- Usus
- Pundi kencing dan tiub yang mengeluarkan air kencing anda (sistem kencing)

Bagaimana Buscopan berfungsi

Buscopan® mengandungi "Hyoscine-N-butylbromide". Ini adalah sekumpulan ubat yang dipanggil antispasmodik.

Hyoscine berfungsi dengan melegakan otot yang terdapat di dinding perut, dan usus. Otot jenis ini dipanggil otot licin. Biasanya ia mengecut dan mengendur tanpa disedari. Bagaimanapun, jika otot menjadi kekejangan, ini boleh menyebabkan kesakitan. Hyoscine menghentikan kejang pada otot licin dan melegakannya. Ini mengurangkan kekejangan yang menyakitkan.

Sebelum mengambil Buscopan®

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Buscopan® jika:

- Anda alah (hipersensitif) terhadap hyoscine butylbromide atau sebarang bahan-bahan lain dalam Buscopan® (disenaraikan di bawah Bahan-bahan kandungan).

- Anda mempunyai glaukoma (masalah mata)
 - Anda mempunyai masalah 'myasthenia gravis' (masalah kelemahan otot yang sangat jarang berlaku)
- Anda disyaki atau disahkan mempunyai penyekatan usus
- Anda mempunyai keadaan di mana usus tersumbat dan tidak berfungsi dengan baik (*paralytic atau obstructive ileus*). Gejala termasuk sakit perut yang

teruk dengan kekurangan najis dan/atau loya/muntah.

- Anda mempunyai usus yang membesar (*megacolon*)

Jika anda tidak pasti, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini.

-Sebelum mula menggunakan

Mengambil jagaan khas dan semak

dengan doktor anda sebelum mengambil Buscopan® jika:

- Anda mempunyai kadar jantung yang sangat cepat atau masalah jantung yang lain
- Anda mempunyai masalah dengan kelenjar tiroid anda seperti kelenjar tiroid yang terlalu aktif
- Anda mengalami kesukaran atau kesakitan bila membuang air kecil seperti lelaki dengan masalah prostat
- Anda mengalami sembelit
- Anda mengalami demam

• Anda sedang mengandung atau anda merancang untuk mengandung atau sedang menyusukan bayi

Jika anda tidak pasti mana-mana perkara di atas berlaku pada anda, sila berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini.

Segera semak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda mempunyai sakit perut yang berterusan atau teruk yang tidak dapat dijelaskan atau berlaku dengan:

- demam
- mual
- muntah
- pergerakan usus anda berubah
- kesakitan abdomen
- tekanan darah rendah
- merasa pengsan atau,
- darah dalam pergerakan usus anda

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil apa-apa ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang anda beli tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba.

Ini kerana Buscopan® boleh mempengaruhi cara ubat-ubat lain berfungsi. Ubat-ubatan lain juga boleh mempengaruhi cara Buscopan® berfungsi.

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- Ubat untuk merawat kemurungan dipanggil "tetracyclic antidepressants" atau "tricyclic antidepressants"
 - Ubat untuk merawat alergi dan mabuk perjalanan yang dipanggil "antihistamin"
 - Ubat untuk mengawal degupan jantung anda seperti quinidine atau disopyramide
 - Ubat untuk mengawal sakit mental dipanggil 'antipsikotik' seperti haloperidol atau fluphenazine
 - Ubat digunakan untuk masalah pernafasan seperti tiotropium, ipratropium atau ubat seperti atropine
 - Amantadine - untuk penyakit Parkinson dan selesema
 - Metoclopramide - untuk loya
- Jika anda tidak pasti mana-mana di atas berkenaan, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil Buscopan®.

Cara menggunakan Buscopan®

-Berapa banyak harus digunakan Dewasa dan kanak-kanak lebih 6 tahun:

1 - 2 tablet 3 - 5 kali sehari.
Telan seluruh tablet anda dengan air secukupnya.

Buscopan® tidak digalakkan digunakan untuk kanak-kanak di bawah 6 tahun.

-Bila perlu digunakan

Ambil Buscopan® pada waktu yang sama setiap hari, kecuali doktor anda memberitahu anda sebaliknya.

-Berapa lama perlu digunakan

Buscopan® tidak boleh diambil secara berterusan untuk tempoh masa yang panjang.

-Jika terlupa menggunakan

- Jika anda terlupa untuk mengambil dos anda, abaikan dos yang terlupa dan ambil dos seterusnya pada masa yang biasa.
- Jangan mengambil dos yang berganda untuk menggantikan dos yang terlupa.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda berfikir bahawa anda

mengambil terlalu banyak Buscopan[®], segera menelefon doktor anda atau pergi hospital yang terdekat.

Ambil pek ubat dengan anda walaupun Buscopan[®] sudah habis.

Semasa menggunakan Buscopan[®]

-Perkara yang perlu dilakukan

Buscopan[®] mengandungi sukrosa. Berbincang dengan doktor anda sebelum mengambil ubat ini jika anda telah diberitahu oleh doktor anda

bahawa anda tidak boleh mencerna beberapa jenis gula.

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Buscopan[®] tidak boleh diambil secara berterusan setiap hari atau untuk tempoh yang panjang tanpa menyiasat punca sakit perut.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin. Sesetengah orang mungkin mengalami masalah penglihatan ketika mengambil ubat ini. Jika ini berlaku kepada anda, tunggu sehingga penglihatan anda kembali normal sebelum memandu atau menggunakan sebarang alat atau mesin.

Kesan-kesan sampingan

Seperti semua ubat, Buscopan[®] mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini tetapi bukan semua orang akan mengalaminya. Kesan sampingan berikut mungkin berlaku dengan ubat ini.

Berhenti mengambil ubat ini dan berjumpa doktor dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan serius yang berikut:

- Reaksi alahan seperti reaksikulit, misalnya ruam netel, ruam gatal, kemerahan kulit
- Reaksi alahan yang teruk (kejutan anafilaksis) seperti kesukaran bernafas, berasa pengsan atau pening
- Mata merah yang menyakitkan dengan kehilangan penglihatan

Kesan-kesan sampingan lain:

- Mulut kering (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)
- Peluh tidak normal atau peluh berkurangan (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)
- Peningkatan kadar jantung (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 100 orang)

- Tidak dapat buang air kencing (menjejaskan kurang daripada 1 dalam 1,000 orang)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (CONSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan Buscopan[®]

-Penyimpanan

- Jangan menggunakan ubat ini selepas tarikh tamat tempoh yang dinyatakan pada label dan karton.
- Simpan Buscopan[®] di bawah suhu 30°C.
- Simpan ubat ini di tempat yang selamat di mana kanak-kanak tidak dapat melihat atau sampai.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak boleh dilupuskan melalui sisa air atau bahan buangan isi rumah. Tanya ahli farmasi anda bagaimana untuk melupuskan ubat-ubatan yang tidak lagi diperlukan. Langkah-langkah ini akan membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Buscopan[®] adalah bersalut gula, bulat, dwicembung dan warna putih.

-Bahan-bahan kandungan:

- Bahan aktif
Hyoscine butylbromide 10 mg
- Bahan tidak aktif
calcium hydrogen phosphate (anhydrous), maize starch, colloidal silica (anhydrous), tartaric acid, stearic acid, sucrose, talc, acacia, titanium dioxide, macrogol 6000, carnauba wax, white beeswax, povidone, Ethanol anhydrous dan purified water

-Nombor MAL:

MAL09051577ACZ

Pengilang

Delpharm Reims
10 Rue Colonel Charbonneaux, 51100 Reims, France.

Pemegang Pendaftaran Produk

DKSH Malaysia Sdn Bhd
B-11-01, The Ascent, Paradigm No. 1
Jalan SS 7/26A, Kelana Jaya 47301
Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Tarikh kemaskini RiMUP

24/02/2025

Nombor Siri:

NPRA (R1/1)

20122024/233